# MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA NEGERI SELANGOR

**PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2025**
**PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 5**
**Kertas 1**
**Peraturan Pemarkahan**

**1223/1(PP)**

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

1223/1 © 2025 Hak Cipta MPSM Selangor

## PERATURAN PEMARKAHAN SET 1

<table>
<tr><th colspan="3">No</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Sunnatullah ialah sistem dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT terhadap semua makhluk dan tiada siapa yang boleh menghalang atau mengubah ketetapan berikut</td><td>1 isi x2m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua konsep sunnatullah<br>- Sunnatullah bersifat tetap dan kekal dengan izin Allah SWT<br>- Sunnatullah merangkumi semua makhluk<br>- Sunnatullah berasaskan kepada konsep sebab, musabab dan akibat</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>Kita perlu meyakini sunnatullah kerana<br>- Allah SWT mengatur kehidupan manusia bersesuaian dengan peraturan dan ketetapannya agar hidup diberkati olehNya<br>- Mengkaji dan menyelidiki sejarah umat Islam terdahulu agar menjadi pedoman dalam kehidupan<br>- Menjaga keimanan agar beroleh kedudukan yang tinggi di sisi Allah SWT</td><td>2 isi x1m=2m<br>Isi + Huraian</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>KBAT
<table>
<tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr>
<tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr>
<tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr>
</table>
Cadangan isi:<br>- Berusaha untuk mencapai sesuatu perkara dengan sistematik<br>- Merancang strategi tertentu dengan bijak<br>- Melaksanakan tugasan mengikut jadual yang ditetapkan</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua individu yang dipertanggungjawabkan selain pemimpin dan suami<br>- Isteri<br>- Pekerja<br>- Anak</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua tanggungjawab suami<br>- Memberikan nafkah kepada anggota keluarga<br>- Memberikan didikan agama kepada isteri dan anak-anak<br>- Memberikan perlindungan dan menjaga keselamatan anggota keluarga<br>- Melayan dan bergaul dengan isteri dan anak-anak dengan baik</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
</table>

 © 2025 Hak Cipta MPSM

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Mengamalkan syura / berbincang<br>- Ketua / pemimpin bersikap terbuka untuk menerima pendapat ahli / orang bawahan<br>- Pemimpin menggunakan bahasa yang sopan<br>- Pemimpin menjalinkan hubungan yang baik dengan ahli / pekerja / orang bawahan<br>- Bersikap toleransi terhadap orang bawahan</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td></td><td>Hukum tajwid bagi kalimah bergaris<br>(i) Mad lazim kalimi mukhaffaf<br>(ii) Mad lazim kalimi musaqqal</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
<tr><td>2</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Nama Allah SWT al-Muntaqim ialah nama Allah SWT yang menunjukkan Allah Maha Pembalas dengan menimpakan azab terhadap orang yang melampaui batas</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Sentiasa melakukan kebaikan kerana takut dengan balasan Allah SWT<br>- Sentiasa berhati-hati dalam tindakan agar tidak mendapat balasan buruk<br>- Takut melakukan kemungkaran kerana yakin balasan azab Allah SWT</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Perkara yang membatalkan iman selain iktikad al-Uluhiyyah<br>- Al-Nubuwwah<br>- Al-Ghaibiyyat<br>- Al-Syari'ah<br>-</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | Contoh perkara yang membatalkan iman dalam aspek al-Uluhiyyah<br>- Mengingkari kewujudan Allah SWT sebagai pencipta<br>- Mengingkari sifat kesempurnaan Allah SWT seperti Allah SWT Maha Mendengar dan Maha Melihat<br>- Menyifatkan Allah SWT dengan sifat yang tidak layak bagi Allah SWT<br>- Meyakini kewujudan kuasa lain yang memerintah alam | 1 isi x2m=2m |
| | (c) | (i) | Ajaran sesat ialah ajaran yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah | 2m |
| | | (ii) | Dua cara menjauhi ajaran sesat<br>- Mempelajari akidah yang sebenar berdasarkan manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah<br>- Menghindarkan diri daripada bergaul dengan orang yang dicurigai ilmu dan amalannya<br>- Memastikan amalan yang dilakukan benar-benar mengikut panduan al-Quran dan al-Sunnah<br>- Mencari maklumat daripada sumber yang sahih supaya tidak terpengaruh dengan ajaran sesat<br>- Berdoa memohon petunjuk agar sentiasa berada di jalan yang benar<br>- Bertaubat kepada Allah SWT atas keterlanjuran mengikuti dan beramal dengan ajaran sesat | 2 isi x2m=4m<br><br>Isi + Huraian |
| | (d) | (i) | Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang memahami dan berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah menerusi para sahabat dan tabi'in serta tabi' tabi'in dalam prinsip akidah, syariat dan akhlak | 2m |
| | | (ii) | Prinsip Ahli Sunnah Wal Jamaah<br>- Iman ialah kepercayaan serta keyakinan dalam hati, pengakuan dengan lidah dan beramal dengan perbuatan sebagai bukti kesempurnaan iman<br>- Segala perbuatan manusia dicipta oleh Allah SWT, namun manusia diberi pilihan atau kehendak untuk melakukannya atau pun tidak serta dihitung baginya dosa dan pahala<br>- Meyakini kewujudan perkara-perkara ghaib seperti yang diwahyukan dalam al-Quran dan al-Sunnah antaranya termasuklah persoalan kubur, hari akhirat, titian sirat, mizan, malaikat, jin dan sebagainya<br>- Meyakini bahawa syurga dan neraka telah wujud sebelum dijadikan makhluk. Kewujudan syurga dan neraka adalah kekal selama-lamanya<br>- Syafaat Rasulullah SAW adalah dengan izin Tuhannya, termasuklah syafaat baginda untuk pelaku dosa besar kerana mereka masih dikira beriman<br>- Perutusan para nabi dan rasul adalah harus bagi Allah SWT dan merupakan rahmat Allah kepada manusia | 1 isi x2m=2m |

<table>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua rukun akad dalam muamalat Islam<br>- Pihak yang berakad<br>- Sesuatu yang diakadkan<br>- Sighah</td><td>2 isi x1m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Contoh akad jual beli dalam muamalat Islam<br>- Membeli makanan di kantin sekolah dengan duit<br>- Melakukan transaksi wang atau pembayaran secara atas talian (online banking, QR pay, e wallet)dan lain-lain lagi</td><td>1 isi x2m=2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>- Membuat pinjaman dari bank yang menjalankan urus niaga patuh syariah<br>- Pembelian secara tunai<br>- Membuat pinjaman tanpa riba daripada adik beradik atau saudara mara</td><td>4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Fasakh ialah pembubaran perkahwinan melalui kuasa hakim dengan sebab-sebab tertentu</td><td>2 m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua kesan fasakh kepada suami isteri<br>- Tidak boleh rujuk<br>- Boleh berkahwin semula dengan mahar/akad nikah yang baharu</td><td>2 isi x2m=4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Diyat ialah jumlah bayaran berdasarkan persetujuan bersama atau ditetapkan oleh mahkamah</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>KBAT<br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu cara sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan cara berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan cara berserta huraian lengkap yang menyebut contoh/sebab/dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan cara berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi :<br>- Pengaruh persekitaran dan rakan</td><td>4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | - Kurang penghayatan dan kefahaman agama<br>- Pengaruh serta penyalahgunaan teknologi maklumat dan media masa<br>- Masalah ekonomi dan kesempitan hidup | |
| 4 | (a) | (i) | Dua ciri kepimpinan khulafa al-Rashidin<br>- Tegas<br>- Berpandangan jauh<br>- Setia dengan arahan Rasulullah SAW<br>- Mengamalkan syura<br>- Berfikiran terbuka<br>- Adil<br>- Cekap<br>- Prihatin<br>- Inovatif<br>- Berilmu<br>- Berani | 2 isi x1m=2m |
| | | (ii) | Dua faktor kegemilangan kerajaan Uthmaniyah dalam aspek sosial<br>- Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan<br>- Mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat<br>- Sistem wakaf yang sistematik yang meliputi aspek keperluan asas, pendidikan dan kesihatan | 2 isi x2m=4m |
| | (b) | (i) | Riwayat hidup Imam al-Syafii<br>Nama sebenar : Muhammad bin Idris al-Syafii<br>Tarikh lahir : 150H di Ghazzah<br>Tarikh wafat : 204H<br>Kuniyah : Abu Abdullah<br>Keperibadian :<br>- Sanggup tinggal bersama-sama Arab Badwi demi menguasai bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Arab<br>- Sanggup bermusafir jauh demi kecintaan terhadap ilmu<br>- Berani menegakkan kebenaran ketika di fitnah oleh puak Syiah dan ketika berdepan dengan khalifah Harun al-Rasyid<br>- Sangat pemurah kepada fakir miskin walaupun hidupnya sederhana<br>- Tinggi sifat warak dan kuat beribadah | 3 isi x1m=3m<br><br>Keperibadian salah satu isi sahaja diterima |

© 2025 Hak Cipta MPSM

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | KBAT<br><br>**Deskriptor** / **Skor**<br>Menyatakan satu isi sahaja — 1 markah<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas — 1 markah<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh /sebab /dalil sokongan — 1 markah<br>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap — 1 markah<br><br>Cadangan isi:<br>- Bersiap sedia sebelum sesi pembelajaran bermula<br>- Rajin bertanya kepada guru<br>- Bersungguh-sungguh untuk menguasai ilmu | 4m |
| | (c) | (i) | Riwayat hidup Ahmad bin Ibrahim<br>Nama sebenar : Ahmad bin Muhammad Ibrahim<br>Tarikh lahir : 15 Mei 1916<br>Tarikh meninggal dunia : 17 April 1999<br>Gelaran : Profesor Emeritus Tan Sri Doktor<br>Pekerjaan : - Pensyarah Kuliah Undang-Undang di Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia<br>- Hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Syariah<br>Ketinggian akhlak : - Suka menyebarkan ilmu<br>- Menjaga etika keadilan ketika mengendalikan kes perbicaraan<br>Tahap pendidikan : - *Victoria Bridge School, Singapura*<br>- *Raffles Institution, Singapura*<br>- *Raffles College, Singapura*<br>- *University of Cambridge* | 3isi x1m=3m |
| | | (ii) | Dua iktibar dari ketokohan beliau<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh dalam menuntut ilmu /untuk membuktikan kecintaan terhadap ilmu<br>- Kita hendaklah menyebarkan ilmu dan kepakaran yang dimiliki / agar dapat memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara<br>- Kita hendaklah berusaha menjadi insan yang lebih berkualiti/ supaya dapat berbakti kepada masyarakat dan negara<br>- Kita hendaklah bersifat cekal menyebarkan dakwah Islamiah/ agar masyarakat dapat memahami Islam yang sebenar<br>- Kita hendaklah bekerjasama dalam pembangunan negara/ supaya negara dihormati di peringkat antarabangsa | 2 isi x2m=4m<br><br>Isi + Huraian |
| 5 | (a) | (i) | *Khauf* ialah takut kepada kemurkaan dan azab Allah SWT dengan menjauhi segala laranganNya | 2m |

<table>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua contoh khauf dan raja' yang diamalkan oleh Rasulullah SAW<br>- Mendirikan solat sunat gerhana matahari dengan khusyuk, pada sujud terakhir baginda menangis kerana berasa takut Allah SWT menurunkan azab<br>- Rasulullah SAW menziarahi seorang lelaki yang terlantar, bila ditanya lelaki itu mengatakan beliau sangat mengharapkan rahmat Allah SWT dan berasa sangat takut dengan dosa-dosanya</td><td>2 isi x2m=4m<br><br>Isi + Huraian</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><br><table><tr><th>Deskriptor</th><th>Skor</th></tr><tr><td>Menyatakan satu isi sahaja</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh /sebab /dalil sokongan</td><td>1 markah</td></tr><tr><td>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap</td><td>1 markah</td></tr></table><br>Cadangan isi:<br>- Muslim yang mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi laranganNya kerana mengharapkan syurga Allah<br>- Menjauhi maksiat kerana takut azab Allah SWT<br>- Mengamalkan akhlak mulia kerana yakin dengan janji Allah SWT</td><td>4m<br><br>Mesti ada hubungan khauf dan raja'</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia</td><td>2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua hikmah beradab terhadap alam sekitar<br>- Melahirkan insan yang mencintai alam sekitar kerana menyedari tanggungjawab yang diamanahkan<br>- Melapangkan fikiran dan menenangkan jiwa kerana melihat keindahan alam<br>- Menikmati persekitaran yang bersih dan bebas wabak penyakit kerana pembudayaan cinta akan alam sekitar<br>- Melestarikan alam sekitar yang indah untuk dimanfaatkan kepada generasi akan datang<br>- Meningkatkan pendapatan kerana melaksanakan aktiviti eko-pelancongan</td><td>2 isi x2m=4m<br><br>Isi + Huraian</td></tr>
</table>

 © 2025 Hak Cipta MPSM

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT<br><br>**Deskriptor** \| **Skor**<br>Menyatakan satu isi sahaja \| 1 markah<br>Menjelaskan isi berserta huraian ringkas \| 1 markah<br>Menghuraikan isi berserta huraian lengkap yang menyebut contoh /sebab /dalil sokongan \| 1 markah<br>Merumuskan isi berserta huraian yang lengkap \| 1 markah<br><br>Cadangan Jawapan:<br>Statistik menunjukkan pencemaran sungai pada tahun 2020 adalah sebanyak 33 kes berbanding 29 kes pada tahun 2021. (Isi) Masalah pencemaran ini boleh diatasi dengan mengadakan **kempen kesedaran** kepentingan penjagaan sungai kepada masyarakat. (H) Kesannya **sumber air negara dapat dipelihara** dan memulihara flora dan fauna yang ada. (HL) Kesimpulannya kita hendaklah sentiasa bekerjasama menjaga kelestarian alam supaya selamat didiami oleh manusia dan semua habitat. (K)<br><br>Cadangan isi:<br>- Menguatkuasakan undang-undang<br>- Mengenakan denda yang berat<br>- Menjaga kebersihan dengan tidak membuang sampah di kawasan sungai | 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

 © 2025 Hak Cipta MPSM